

CNS4238

U GB 05-05 00171 BA369

bah

MAHATHIR DIISYTIHAR SEBAGAI ARKITEK MALAYSIA MODEN ..

Mahathir - Arkitek

IPOH, 5 Mei (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini menamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai +Arkitek Malaysia Moden+ bagi menghargai kepimpinan beliau.

Presiden MBM, Encik Fuad Datuk Hassan ketika berucap pada pelancaran perhimpunan Hari Belia Negara di sini, berkata Perdana Menteri merupakan seorang pemimpin agung yang telah memperkenalkan Malaysia kepada dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang merasmikan perhimpunan, kelihatan tersenyum.

Beliau berkata, gaya kepimpinan Dr Mahathir telah meletakkan Malaysia di atas landasan yang kukuh bagi menuju kemakmuran sehingga negara ini berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Daripada segi dasar luar, Perdana Menteri telah membuka mata dunia mengenai pelbagai isu antarabangsa terutama dalam memerangi dadah, AIDS dan isu alam sekitar, sehingga negara ini dihormati dan disegani pada peringkat antarabangsa, kata Fuad.

Beliau berkata, Malaysia juga telah mencatat rekod cemerlang pada peringkat antarabangsa terutama daripada segi sumbangan negara ini melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. -- Lagi

▼05/05/13-57MST

CNS4239

U GB 05-05 00121 BA370

bah

Mahathir - Arkitek 2 (Akhir) Ipoh

Fuad berkata, Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh, yang ingin melihat Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

+Belia di negara ini perlu memberi sokongan kepadanya dan mencontohi beliau dalam menuju kecemerlangan dan kemajuan dengan menerapkan nilai-nilai positif, berdisiplin dan meningkatkan kualiti,+ katanya.

MBM telah mendapatkan sejuta tandatangan daripada belia pelbagai peringkat dan kaum di negara ini bagi menyatakan sokongan atas kepimpinan Dr Mahathir dengan slogan supaya beliau +Teruskan Kepimpinan Negara+.

Sebanyak 5,000 wakil pelbagai pertubuhan belia dari seluruh negara menghadiri perhimpunan itu di Stadium Indera Mulia di sini.

Perhimpunan kali ini bertemakan +Belia Berkualiti Negara Maju+. -- Bernama

▼05/05/13-57MST